

10 DEC 1997

Mahathir - jimat

BERKORBAN UNTUK ATASI MASALAH, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

TEHRAN, 10 Dis (Bernama) -- Langkah kerajaan mengurangkan perbelanjaan termasuk memotong gaji menteri, timbalan menteri serta pegawai kanannya dibuat supaya pemulihan ekonomi negara dapat berlaku dengan cepat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri meminta rakyat agar menyokong rancangan kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara dengan berjimat cermat.

"Kita perlu mengurangkan belanja, kalau kita hendak teruskan dengan cara seperti kita ada duit dulu, kita akan menghadapi masalah," katanya kepada wartawan Malaysia di villa penginapannya di sini. Beliau berada di ibu negara Iran ini yang mengalami suhu dingin untuk menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Dr Mahathir berkata : "Kita harus ingat (bahawa) perkara ini mungkin berlarutan, sebab itu kita harus sanggup berkorban sedikit. Jangan nak belanja macam dulu," katanya.

Isnin lepas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan beberapa langkah untuk memulihkan ekonomi negara termasuk pemotongan gaji menteri dan timbalan menteri sebanyak 10 peratus. Pegawai memegang jawatan utama dikenakan pemotongan gaji tiga peratus.

Dr Mahathir berkata rakyat boleh membantu usaha itu dengan mengurangkan perbelanjaan seperti tidak berkunjung ke luar negara dan juga dengan mengurangkan gula dalam minuman mereka.

"Kenapa hendak sampai dua, tiga camca gula, satu camca sudahlah... demikian juga tepung, saya zaman Jepun dulu tak ada tepung gandum, makan tepung beraslah dan kalau kita tak boleh makan mi kuning, kita makan bihun," katanya.

Perdana Menteri berkata bahan makanan yang diimport kini akan berharga 40 peratus lebih tinggi disebabkan kejatuhan nilai ringgit.

"Kalau hendak dijual dengan harga yang sama, siapa yang nak mengimport kerana mereka tak nak rugi," katanya.

Orang ramai dapat mengawal perbelanjaan jika mereka mengurangkan penggunaan bahan makanan seperti gula walaupun harganya meningkat.

Ditanya sama ada negara-negara kaya dalam OIC menyedari masalah kejatuhan nilai mata wang, beliau berkata walaupun mereka faham apa yang sebenarnya berlaku, mereka menganggap perkara itu sebagai sementara.

Dr Mahathir berkata bukan sahaja negara-negara OIC malah pemimpin negara-negara maju menganggap bahawa Malaysia mempunyai kebolehan luar biasa untuk mengatasi masalah itu.

"Kita berasa bangga orang kata kita boleh tetapi mereka tidak tahu betapa susahnya kerana sekarang ini banyak syarikat yang setengah mati, orang yang hutang bank tak boleh bayar, bank akan bankrap," katanya.

Perdana Menteri berkata bukan mudah untuk mendapatkan kembali wang yang "hilang" akibat kejatuhan nilai mata wang.

"Kalau kita perhatikan, IMF apabila ia ambil alih, ia cuma bagi (berikan) US\$20 bilion atau US\$30 bilion, ia bagi kepada Thailand AS\$17 bilion tapi kita hilang AS\$150 bilion...takkan kehilangan begitu besar mudah diatasi dan kembali dengan sendirinya," katanya.

Ketika ditanya mengenai lonjakan di Bursa Saham Kuala Lumpur beberapa hari ini, Dr Mahathir berkata orang ramai patut yakin bahawa ia petanda untuk terus naik.

"...tapi kadang-kadang bila 'rebound' (melonjak), ada yang hendak untung...mereka akan jual untuk mendapat keuntungan, kalau kita jual dia

akan turun balik...bila turun balik syarikat itu lama-lama akan mati, dia tak ada 'rebound' lagi," katanya.

Ditanya sama ada Malaysia mendapatkan bantuan negara lain untuk mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang, beliau berkata kerajaan tidak berbuat demikian.

"Kita perlu tangani perkara ini sendiri, kita tak boleh nak minta dari orang lain kerana mereka mempunyai masalah mereka sendiri," katanya.

Tambahan pula, kata Dr Mahathir, banyak yang percaya Malaysia mempunyai kebolehan luar biasa untuk mengatasi masalah itu.

"Jadi payah kita nak yakinkan orang bahawa kita hadapi masalah.

"Bila saya bercakap dengan sesiapa pun, mereka kata Malaysia boleh 'handle' (tanganinya) dan boleh 'recover' (pulihan) dalam beberapa bulan...saya kata kalau kita hilang 150 bilion dolar Amerika, bukan ringgit Malaysia, nak dapat balik macam mana?

"Kalau mudah boleh dapat balik, okaylah, saya tak komplek sangat dan tak kecam orang kerana menyebabkan kita miskin," kata Dr Mahathir. --

BERNAMA

AZZ MAI